

**CAMAR KECIL BERJAMBUL**  
Lesser Crested Tern

FAMILI: Laridae  
NAMA SAINTIFIK: *Sterna bengalensis*



**CIRI-CIRI**

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Camar Besar Berjambul, *S. bergii*, tetapi saiznya adalah lebih kecil di mana bahagian paruh adalah lebih pendek dan berwarna perang kekuningan. Bahagian mahkota kepala berwarna hitam manakala pada bahagian belakang tengkuk, terdapat bulu. Individu ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna kelabu pudar. Semasa musim membiak, bahagian mahkota dan belakang tengkuk berwarna hitam termasuklah bahagian hadapan kepala manakala bahagian paruh pula berwarna perang. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 35-40 sm.

**MAKANAN**

Makanan utama terdiri daripada ikan-ikan kecil, sotong, ketam dan udang.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan terbuka, persisiran pantai serta di kawasan beting lumpur dan pasir.

**BUNYI**

Semasa terbang, burung ini mengeluarkan bunyi yang kasar *krrik-krrik*.

**PEMBIAKAN**

Spesies ini membiak di beberapa lokasi yang berbeza. Pada bulan Mei hingga Jun, spesies ini ada direkodkan membiak di kawasan Parsi dan juga di Sabah. Pada bulan Julai hingga Ogos, ia direkodkan di kawasan Libya dan Somalia manakala pada bulan September hingga Disember di kawasan Australia. Sarang dibina dari batu-batu kecil di atas permukaan tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1 biji.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.